



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - JUMAAT, 21 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	BANJIR TIGA NEGERI, JOHOR PALING TERJEJAS		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-tiga-negeri-johor-paling-terjejas	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	MANGSA BANJIR DI JOHOR HAMPIRI 4,000		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1199145/mangsa-banjir-di-johor-hampiri-4000	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1191045/floods-displace-thousands-johor-%C2%A03694-people-evacuated	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/20/floods-over-1000-relief-centres-readied-in-johor	THESTAR.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1199125/taburan-hujan-luar-biasa-air-pasang-burukkan-banjir-di-johor	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1190543/floods-jb-3-relief-centres-open-shelter-victims	NST.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/03/20/banjir-di-johor-bertambah-buruk-kota-tinggi-dan-kluang-turut-terjejas/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-kesesakan-lalu-lintas-luar-biasa-di-johor/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1374972/banjir-trafik-jb-sesak-luar-biasa	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/03/20/banjir-semakin-buruk-di-johor-1048-mangsa-dipindahkan-ke-13-pps/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=Rv5vnQmds6o	YOUTUBE	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/johor-sabah-dilanda-banjir-14-pps-dibuka-513170	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1374599/johor-bahru-kulai-pontian-mula-banjir-10-pps-dibuka	BHARIAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/3-daerah-di-johor-banjir-akibat-hujan-berterusan-sejak-semalam	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.sinarharian.com.my/article/718675/edisi/johor/banjir-terburuk-di-kampung-pasir-tebrau-dalam-tempoh-29-tahun#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1374932/mangsa-banjir-di-johor-meningkat-mendadak-cecah-3694	BHARIAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-johor-20-sekolah-rendah-terjejas	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/jumlah-mangsa-banjir-di-johor-melonjak-lebih-2500-terjejas/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/20/water-levels-surge-evacuations-ongoing-in-flooded-johor/170171	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/20/severe-floods-hit-three-districts-in-johor-753-evacuated	THESTAR.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/20/nearly-900-evacuated-in-johor-as-heavy-rain-causes-floods/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1190653/floods-hit-johor-10-pps-opened	NST.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/03/20/johor-floods-worsen-number-of-victims-inches-towards-4000/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/20/johor-schools-affected-by-floods-some-cut-off	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1190860/johor-floods-homes-submerged-families-left-desolate	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/20/johor-floods-displace-more-than-1600-people-on-march-20	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1190700/heavy-rain-warning-issued-johor-amid-flooding	NST.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/20/floods-1015-victims-placed-at-relief-centres-in-johor	THESTAR.COM.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/20/heavy-rain-forces-20-johor-schools-to-close-two-submerged/170232	MALAYMAIL.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/20/over-5000-evacuated-as-flooding-impacts-johor	THESTAR.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/718774/edisi/johor/taburan-hujan-luar-biasa-punca-banjir-di-johor---mb	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-di-johor-angka-penduduk-terjejas-meningkat-2	BERITA.RTM.GOV.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1199177/banjir- trafik-di-johor-bahru-sesak-luar-biasa	HMETRO.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/20/johor- flood-victim-count-surges-to-2550-across-five-districts	THESTAR.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1374827 /banjir-di-johor-makin-buruk?source=wiget	BHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/20/banjir-johor- bertambah-buruk-1048-mangsa-di-13-pps/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/20/heavy- rain-worsens-flooding-in-sabah	THESTAR.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/03/1190971/johor- floods-surge-over-2500-affected-rain-intensifies	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	1,190 MANGSA BANJIR DITEMPATKAN DI 10 PPS DI SABAH		NEGATIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2404516	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2404455	BERNAMA.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/20/floods- relief-centre-opens-in-song-to-shelter-44-evacuees	THESTAR.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/20/banjir-44- mangsa-dipindah-ke-pps-dewan-masyarakat-song	UTUSANBORNEO.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/?id=2404524	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/news.php?id=2404469	BERNAMA.COM	
	https://www.tvsarawak.my/2025/03/20/1190-mangsa-banjir- ditempatkan-di-10-pps-di-sabah/	TVSARAWAK.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/20/3694-mangsa-banjir- johor-di-84-pps/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://sabahmedia.com/2025/03/20/banjir-semakin-buruk-di- sabah-jumlah-mangsa-melebihi-1000-orang/	SABAHMEDIA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	YAYASAN SULTAN IBRAHIM JOHOR SUMBANG 630 KIT BANTUAN BENCANA BANJIR		POSITIF
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2404545	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	TINGKATKAN KADAR PELEPASAN CUKAI PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK BERDAFTAR – PPJKKM		POSITIF
	https://malaysiagazette.com/2025/03/20/tingkatkan-kadar-pelepasan-cukai-pusat-jagaan-kanak-kanak-berdaftar-ppjkkm/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	DUDA MENGAKU TIDAK BERSALAH CABUL WANITA DI BAZAR RAMADAN		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/duda-mengaku-tidak-bersalah-cabul-wanita-di-bazar-ramadan	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2025/03/duda-gersang-tidak-mengaku-salah-cabul-wanita-di-bazar-ramadan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2025/03/20/widower-claims-trial-to-molesting-3-women-at-ramadan-bazaar/	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/03/1190961/viral-bazaar-molester-odd-job-worker-charged-attacking-3-women	NST.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/duda-tidak-mengaku-bersalah-cabul-tiga-wanita-di-bazar-ramadan-513206	ASTROAWANI.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/718668/berita/semasa/duda-mengaku-tak-bersalah-cabul-tiga-wanita-di-bazar-ramadan#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=9AwgKNx2MYY	YOUTUBE	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/20/duda-tak-mengaku-bersalah-cabul-tiga-wanita-di-bazar-ramadan/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



21/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/03/20/cabul-3-wanita-di-bazar-ramadan-duda-mengakutak-salah/	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-hiv-positif-didakwa-cabul-tiga-wanita-di-bazar-ramadan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1198950/duda-didakwa-cabul-3-wanita-di-bazar-ramadan	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	BURUH LADANG DIDAKWA ROGOL ANAK TIRI		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/buruh-ladang-didakwa-rogol-anak-tiri/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	DISYAKI DERA ANAK, PENGHANTAR BARANG KENA REMAN ENAM HARI		NEGATIF
	https://therakyatinsight.com/disyaki-dera-anak-penghantar-barang-kena-reman-enam-hari/	THERAKYATINSIGHT.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : PERSIAPAN RAYA MUSNAH DITENGGELAMI BANJIR

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 21 MAC 2025

M/SURAT : 24

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Sesi pembelajaran 20 sekolah terjejas

Johor Bahru: Sesi pembelajaran 20 sekolah di daerah Johor Bahru, Kulai, Pontian, Kluang dan Kota Tinggi terjejas akibat banjir, susulan hujan berterusan sejak semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan negeri, Aznan Tamin, berkata daripada 20 sekolah yang dilaporkan terjejas, tujuh daripadanya dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS), dua dinaiki air dan 11 terputus hubungan.

Sekolah Kebangsaan (SK) Kangkar Tebrau dan SK Kampung Maju Jaya dekat Johor Bahru dilaporkan dinaiki air dan operasi sekolah dihentikan sepenuhnya.

"SK Perigi Acheh di Johor Bahru dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Nam Heng di Kota Tinggi serta sembilan sekolah di Kluang dilaporkan terputus hubungan.

"Tujuh sekolah dihentikan operasi bagi memberi laluan untuk dijadikan PPS menempatkan mangsa banjir," katanya ketika ditemui selepas melawat PPS di SK Bukit Mutiara, di sini semalam.

Aznan berkata, semua sekolah yang diwartakan sebagai PPS kini dalam keadaan siap sedia memandangkan hujan masih berterusan dengan banjir dijangka memburuk.

"Setiap daerah memang ada sekolah yang diwartakan untuk dijadikan PPS dan diminta bersedia kerana mungkin bila-bila masa akan ada mangsa banjir akan ditempatkan.

"Kita sudah berunding dengan kerajaan negeri dan diminta bersedia supaya PPS membolehkan sekolah bersedia lebih awal jika berlaku banjir.

"Dari segi kerjasama dengan agensi berkaitan, kita sudah lakukan secara berterusan dan akan beri bantuan," katanya.

Aznan menegaskan, walaupun sesi pembelajaran tidak berlangsung di sekolah terjejas, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PUPR) akan dilaksanakan.

JUMLAH MANGSA BANJIR DI PPS SETAKAT 5.30 PETANG SEMALAM

JOHOR
(Johor Bahru, Kulai, Kota Tinggi, Pontian, Kluang)
3,739
mangsa di 57 PPS

SABAH
(Sandakan, Beluran, Paitan)
250
mangsa di 6 PPS

Infografik BHI



Penduduk meredah air banjir di Kampung Mohd Amin, Johor Bahru, semalam. (Foto Muhammad Najmi Nur'azam/BH)



Pasukan bomba membantu penduduk berpindah susulan banjir yang semakin memburuk di Kampung Sentosa Damai, Pasir Gudang pagi semalam. (Foto Facebook Bomba Johor)

Persiapan raya musnah ditenggelami banjir

Penduduk tak sempat menyelamatkan barangan, air naik mendadak

Oleh Mohamed Farid Noh dan Izz Lailly Hussein
bhnews@bh.com.my

Iskandar Puteri: Persiapan Aidilfitri sebuah keluarga di Kampung Skudai Kecil, di sini musnah apabila kediaman mereka tenggelam sepenuhnya, petang kelmarin.

Alfian Marjuni, 55, berkata rumahnya ditenggelami banjir hingga bumbung menyebabkan semua perabot, pakaian, peralatan elektrik termasuk persiapan Aidilfitri yang disediakan sejak awal Ramadan musnah.

Beliau berkata, banjir yang menenggelamkan rumahnya itu adalah kali kedua selepas 19 tahun

lalu ketika banjir besar 2006. Katanya, dalam kejadian terbaharu, dia sedang menyediakan juadah berbuka puasa sebelum menyedari air mula masuk menerusi pintu dapur.

"Saya baru mula memasak juadah berbuka jam 4.40 petang sebelum menyedari air mula memasuki kediaman. Saya terus beritahu suami sebelum kami segera menaikkan barangan elektrik, makanan, pakaian dan dokumen penting ke bahagian tinggi.

"Bagaimanapun air banjir terlanjur deras kerana tak sampai setengah jam sudah hampir ke paras dada menyebabkan banyak barangan tak sempat diselamatkan. Kami akhirnya mengambil keputusan menyelamatkan diri.

"Saya melihat kediaman kami ditenggelami air banjir sehingga hampir paras bumbung semalam (kelmarin). Hari ini (semalam) jiran maklumkan rumah kami sudah tenggelam sepenuhnya," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) Skudai, di sini semalam.



Alfian dan anaknya, Nor Amelia Sarman mengemas pakaian yang sempat dibawa di PPS Dewan MBIP Skudai, Johor Bahru, semalam. (Foto Mohamed Farid Noh/BH)

Yang hadir sama, Setiausaha Eksekutif Yayasan Penyayang Iskandar Puteri, Datuk Abd Rashid Kasman.

Banjir terburuk

Sementara itu, suri rumah Erniza Erwan, 41, turut sebak apabila rumahnya ditenggelami banjir sepenuhnya.

Katanya, rumahnya ditenggelami banjir kali ketiga selepas banjir besar 2006 dan 2020, yang menyebabkan pelbagai barangan musnah.

"Ini kali kedua insiden banjir berlaku pada Ramadan kerana pada bencana 2020, rumah kami tenggelam masa bulan puasa juga. Saya dan suami baru merancang beli baju raya untuk empat orang anak minggu depan. Tapi seka-

rang kami perlu gunakan wang yang dikumpul untuk bersihkan rumah dan beli perabot serta peralatan elektrik yang rosak akibat banjir," katanya.

Penduduk Kampung Pasir Tebrau, di sini, Hairul Azim Jasmin, 21, menyifatkan banjir kali ini yang terburuk dan menyebabkan semua persiapan untuk menyambut Aidilfitri, termasuk pakaian, langsir serta televisyen baharu tidak dapat diselamatkan.

Sementara itu, di Sabah, Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dalam kenyataan menyatakan empat PPS dibuka pada pagi semalam susulan banjir yang melanda Sandakan dan Beluran.

Di Sandakan, dua PPS dibuka di Masjid Nur Iman dan Masjid Nur Hidayah manakala di Beluran pula, PPS dibuka di Dewan Kampung Sungai Nangka dan Dewan Kampung Balaban.



Antara kawasan terjejas banjir di Sandakan. (Foto Ihsan APM)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : **DUKA SAMBUT SYAWAL**

HARI : **JUMAAT**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **21 MAC 2025**

M/SURAT : **06**

STONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Penduduk Kampung Pasir Tebrau, di sini, pasrah dan reda apabila banjir kembali melanda kampung mereka, tahun ini.

Menyifatkan antara banjir terburuk, pekerja swasta Hairul Azim Jasmin, 21, berkata dia sedih apabila kejadian berlaku pada Ramadan dan menjelang 1 Syawal.

Menurutnya, segala persiapan yang sudah dibeli untuk menyambut Aidilfitri termasuk pakaian, langsir dan televisyen baharu tidak dapat diselamatkan.

"Sebagai penduduk, inilah cabaran yang kami perlu tempuhi. Saya dan keluarga hanya sempat menyelamatkan dokumen penting sahaja, manakala selain daripada itu, semuanya musnah ditenggelami air," katanya ketika ditemui untuk berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS).

Hairul Azim yang tinggal di rumah itu sejak lahir bersama ibu bapa dan dua beradik lain mendakwa kejadian banjir akan terus be-



ANGGOTA bomba memindahkan mangsa banjir menggunakan bot.



HAIRUL Azim



ZALEHA

Duka sambut Syawal

Penduduk Kampung Tebrau pasrah kelengkapan raya ditenggelami bah-

runal kerana sungai semakin cetek dan tiada pembinaan tebing.

"Kami difahamkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), jika hujan berlarutan dua hingga tiga hari, memang akan jadi masalah sebab sungai semakin

cetek dan tiada pembinaan tebing dibuat.

"Jadi, kita memang akan alami benda sama. Tahun lepas juga banjir berlaku awal tahun seperti ini dan keseluruhannya musnah," katanya.

Kampung Pasir Tebrau menempatkan 105 keluarga dengan 54 rumah terdiri

daripada penduduk pelbagai usia.

Suri rumah, Zaleha Bachok, 52, berkata hujan berterusan sejak pagi kelmarin membuatkan rumahnya dinaiki air sehingga ke paras dada walaupun berada di kawasan tinggi.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan dia terpaksa

berbuka puasa di luar apabila air mula naik menjelang petang kelmarin.

"Saya keluar rumah lebih awal kerana hendak selamatkan seorang anak saya yang juga orang kurang upaya (OKU) fizikal.

"Kami redah sahaja air, tetapi ketika itu PPS belum dibuka, jadi saya tunggu sa-

haja dan terpaksa buka puasa di luar.

"Pagi ini (semalam), apabila air semakin tinggi, jadi semua penduduk sudah diarahkan kosongkan rumah. Saya tunggu suami serta dua lagi anak saya pindah ke PPS," katanya.

'Kurang 30 minit air dah paras dada'

Iskandar Puteri: Persiapan menyambut Aidilfitri sebahai keluarga di Kampung Skudai Kecil, di sini, bertukar hampa apabila kedatangan mereka tenggelam sepenuhnya akibat banjir, kelmarin.

Alifan Marjuni, 55, berkata keadaan itu menyebabkan semua perabot, pakaian dan peralatan elektrik mahupun persiapan Aidilfitri lain yang disediakan sejak awal Ramadan, tidak dapat diselamatkan.

Katanya, ketika kejadian dia sedang menyediakan juadah berbuka puasa untuk keluarga sebelum menyedari air mula masuk melalui

pintu dapur.

"Saya baru mula memasak juadah berbuka kira-kira jam 4.40 petang semalam (kelmarin) sebelum menyedari air mula memasuki kediaman lalu terus memberitahu suami.

"Kami kemudiannya menaikkan barangan elektrik, makanan, pakaian dan dokumen penting ke bahagian tinggi, namun air bah terlalu deras.

"Dalam tempoh kurang 30 minit, air naik hampir

paras dada memecah bumbung menyebabkan banyak barangan tak sempat diselamatkan. Kami akhirnya mengambil keputusan menyelamatkan diri," katanya.

Alifan berkata demikian ketika ditemui di pusat pemindahan sementara (PPS) Dewan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) Skudai, di sini, semalam.

Menurutnya, hatinya rasa sebak apabila melihat kediaman mereka ditenggelami

banjir sehingga hampir paras bumbung, kelmarin.

Katanya, semalam pulangan memaklumkan rumah mereka sudah tenggelam sepenuhnya.

"Saya berasa ralat kerana tidak sempat menyelamatkan baju raya, tudung dan kasut yang dihadiahkan anak untuk dipakai ketika Aidilfitri, malah dokumen penting termasuk sijil anak turut tidak sempat diselamatkan.

"Sedih dan sayu kerana Aidilfitri tak sampai dua minggu lagi, tetapi kami tinggal sehelai sepinggang. Namun kami reda ujian Tuhan ini," katanya.

"Kami tinggal sehelai sepinggang. Namun kami reda ujian Tuhan ini"
Alifan

Johor Bahru: Jumlah mangsa banjir di negeri ini merekodkan seramai 1,691 orang daripada 471 keluarga setakat jam 2 petang semalam.

ia menunjukkan peningkatan berbanding 1,048 orang daripada 308 keluarga pada jam 12 tengah hari.

Sebanyak 22 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka menempatkan mangsa banjir di empat daerah yang terjejas banjir. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Tan Sri Dr Azmi



PUASA Bero, 63, (kiri) dan Hajjah Ihsan, 63, menetap sementara di PPS Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara.

Rohani berkata, Kota Tinggi menjadi daerah terbaharu terjejas banjir dengan lima PPS dibuka.

Johor Bahru masih daerah terjejas teruk dengan 674 mangsa (202 keluarga), diikuti Kota Tinggi dengan 431 mangsa (109 keluarga), Pontian 297 mangsa (80 keluarga) dan 289 mangsa banjir daripada 80 keluarga direkodkan di Kulai.

"Sebanyak 22 PPS dibuka bagi menempatkan semua mangsa banjir di empat daerah terjejas itu," katanya.

MB Johor beri amaran

Johor Bahru: Kerajaan Johor memberi amaran tiasa akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang mengambil mudah atau melengahkan pelaksanaan projek tebatan banjir di negeri itu.

Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, ia susulan keadaan banjir di Johor semakin membimbangkan berikutan hujan lebat berterusan lebih 24 jam.

Memurutnya, beliau

bersama Pegawai Daerah Johor Bahru dan Datuk Bandar Johor Bahru turut meninjau keadaan air sungai di kawasan yang terjejas.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diarahkan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek tebatan banjir bagi mengurangkan risiko banjir belambang yang sering melanda negeri ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

20 sekolah terjejas

Johor Bahru: Sesi pembelajaran membabitkan 20 sekolah di bandar raya ini, Kulai, Pontian, Kluang dan Kota Tinggi terjejas akibat banjir susulan hujan berterusan sejak kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Penerangan negeri, Aznan Tamin berkata, data berkenaan diperoleh setakat jam 12 tengah hari semalam, namun dijangkakan akan bertambah.

Menurutnya, daripada 20 sekolah yang terjejas, hentikan operasi kerana memberi lahan untuk dijadikan PPS," katanya.

kala dua dinaiki air dan 11 pula terputus hubungan.

"Sekolah Kebangsaan (SK) Kangkar Tebrau dan SK Kampung Maju Jaya di Johor Bahru dilaporkan dinaiki air dan aktiviti perskolahan dihentikan sepenuhnya.

"SK Perigi Acheh di Johor Bahru dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Nam Heng di Kota Tinggi serta sembilan sekolah di Kluang dilaporkan terputus hubungan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	SEVERE FLOODING FORCES EVACUATIONS IN JOHOR		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	NEW STRAITS TIMES
TARIKH :	21 MAC 2025	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

CONTINUOUS RAIN SINCE WEDNESDAY

SEVERE FLOODING FORCES EVACUATIONS IN JOHOR

3,200 people in four districts housed in relief centres

JASSMINE SHADIQE
JOHOR BARU
news@nst.com.my

MORE than 3,200 people have been evacuated from floods here yesterday. but the figure is expected to rise as several relief centres are still tallying the number of evacuees.

Forty-three relief centres have been opened in Johor Baru, Pontian, Kulai and Kota Tinggi after continuous rain since Wednesday caused rivers to overflow.

State Disaster Management Committee chairman Tan Sri Dr Azmi Rohani said Johor Baru was the worst-hit district, with more than 1,200 victims housed in 17 centres.

Eleven schools are reported to be cut off.

In Kulai, five centres have been set up, housing more than 500 victims. In Kota Tinggi, 1,095 people have been evacuated, and in Pontian, 493 victims have fled their homes.

These figures are expected to rise as newly opened centres update their data.

All executive council members are helping victims and organising aid.

Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi said any delays in flood-mitigation work would not be tolerated.

The Malaysian Meteorological Department has issued a severe continuous rain warning for Johor Baru, Kluang, Mersing, Pontian, Kulai and Kota Tinggi until today.



Al-Hijrah Surau in Kampung Pasir Tebrau near Johor Baru is submerged yesterday after non-stop rain since Wednesday. BERNAMA PIC

The districts of Tangkak, Segamat, Muar and Batu Pahat are on yellow alert for prolonged rain.

Sungai Johor, Sungai Pulai, Sungai Skudai and Sungai Tebrau have exceeded the danger level, heightening flood risks.

Police have deployed hundreds of personnel to assist rescue operations.

State police chief Datuk M. Kumar said officers were working with agencies using boats and lorries.

"We have mobilised all available personnel to ensure swift assistance and evacuations," he said.

"We urge flood victims to cooperate with the authorities to ensure their safety."

He said residents in flood-prone areas

must take the following precautions: packing only essential items such as medicine and vital documents, and switching off electricity supply before evacuating.

Johor Fire and Rescue Department director Siti Rohani Nadir said personnel had been deployed to flood-prone areas since Wednesday.

"Their priority is the safety and well-being of flood victims," She said.

Rohani said people in flooded areas should evacuate before floodwaters rise further.

The public is advised against playing in the rain, as currents can be unpredictable and dangerous.

She advised parents to keep a close eye on their children.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	KANOWIT PARALYSED BY FLOODS, SONG AND KAPIT ALSO HIT		
HARI :	JUMAAT	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	21 MAC 2025	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM



Floodwaters inundate a section of Kanowit town after the Rajang River burst its banks.

Kanowit paralysed by floods, Song and Kapit also hit

Michael Uban & James Ling

KANOWIT: Continuous heavy rainfall triggered severe flooding here yesterday, with rising waters from the Rajang River inundating large parts of the town.

The Penyulau-Lukut access road became impassable by 10am, cutting off movement in the area.

Peter Nyaiyang, a resident of Rumah Winston Kennedy in Nanga Sekuau, said he was forced to park his motorcycle on higher ground and walk approximately 5km home, as floodwaters reached a depth of four feet (1.22m) by 6.30pm.

Describing the situation as unprecedented, he expressed concern over the worsening conditions.

"If the water level keeps rising, I might not be able to go to work in Sibu Jaya tomorrow (March 21). If the situation worsens, I have to be prepared to protect my family," he said when contacted.

In Kanowit town, knee-high

If the water level keeps rising, I might not be able to go to work in Sibu Jaya tomorrow (March 21). If the situation worsens, I have to be prepared to protect my family.

Peter Nyaiyang

waters forced most business premises to close, while several longhouses along Jalan Nibong Tada up until Nanga Ngemah were also affected.

The situation prompted the Kanowit District Office to open a temporary evacuation centre (PPS) at the Kanowit Sports Complex at 6.30pm to house those affected.

District officer Jackline August said the PPS was opened after discussions with Fire and Rescue Department (Bomb) officers.

She advised residents to remain vigilant and follow updates from local authorities as the situation develops.

Meanwhile in Kapit, 44 people from 18 families in the district of Song were evacuated yesterday after their homes

were inundated by floodwaters following continuous heavy rain since early yesterday.

The affected areas included Kampung Sejiran, Lot Kebiau, and Rumah Jarop.

Song district officer Harry Bruce Edwin when contacted said the evacuees were being housed at the Song Community Hall PPS.

"Our main concern is human safety. Those whose homes are underwater have been moved to the PPS," he said.

"For others, we advised them to switch off all electrical appliances and stay away from the floodwaters."

In Kapit district, Bomba officer Timoty Barat reported that 18 people had been evacuated to the Bleih Youth Hostel PPS.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : FLOODS MAY DAMPEN FESTIVE JOY

HARI : JUMAAT

TARIKH : 21 MAC 2025

TONE : NEGATIF

AKHBAR : THE STAR

M/SURAT : 01&03

SEKTOR : KPWKM



Floods may dampen festive joy

Heavy rain that battered Johor and Sabah has forced thousands to evacuate, causing a damper on their Hari Raya celebrations. Experts warn that the floods, worsened by climate change, are likely to continue.

> See reports by REMAR NORDIN and REBECCA CHONG on page 3

Water woes: A man holding his baby while wading through waist-deep floodwaters at Kampung Pasir Tebrau, Johor Baru. (Right) An aerial view of Taman Tampoi Indah 2, Johor Baru, hit by floods following continuous rainfall. — THOMAS YONG, YEE XIANG YUN/The Star

'Worst ever' floods mar Raya plans



Waterworld: Floodwater rising almost to the roof of some houses in Kampung Pasir Tebrau. — Bernama

This year's celebrations likely to be a sombre affair for Johor victims

By REMAR NORDIN
remar@the-star.com.my

JOHOR BARU: For Nordiana Mostofa, 29, the flood that hit her village in Kampung Pasir Tebrau here following continuous heavy rain since Wednesday was the worst she had ever experienced. She said the village was a flood-prone area but she never imagined the water would rise so high that only the roof of her house would be visible. "I only managed to save my car and one motorcycle. Everything else inside the house is gone. Usually, the water level would only reach knee level, so I never

imagined it would cover my entire house," she said yesterday. Nordiana, who is an accountant, also said that all her Hari Raya preparations, including her festive clothing and delicacies, were destroyed, with losses estimated at more than RM10,000. Continuous heavy rain since Wednesday resulted in floods hitting five districts, forcing more than 2,500 people to be evacuated at 43 temporary relief centres here. The floods also hit several major roads in Johor Baru, causing massive traffic congestion. Many victims expressed concern that their Hari Raya celebra-



Wet and in despair: Residents at PPR Desa Mutiara in Johor Baru trying to save their vehicles from the rising floodwater. — THOMAS YONG/The Star

tions would be a sombre occasion as their preparations went down the drain. Factory worker Jeffri Kamarulzaman, 43, said he only managed to save his family's important documents. "I was at work when my wife called at 3.30pm on Wednesday, saying that water from a nearby river had started to overflow and flooded the roads. "By 5pm, the water had already reached waist level, and we were evacuated to the Kampung Pasir Tebrau community hall," he added. Jeffri's main concern now was his wife's tailoring business, as

the festive garments she had been hired to sew for customers were damaged in the deluge. "My wife, Nuraima Habibah, 41, is a full-time tailor, and now all the baju raya orders are ruined. "I just hope our clients understand our situation," he said, adding that their three children's school supplies were also destroyed. SK Kangkar Tebrau teacher Siti Aishah Baharudin, 43, said this is the first time she has seen her school cut off due to flooding. "Usually, the floodwater would only reach knee level, but now it has risen up to the first floor," she said.

"I hope the affected parents and children stay strong in facing this challenge." Johor education and information committee chairman Arman Tamin said the floods disrupted learning in 20 schools across Johor Baru, Kulai, Pontian, Klang and Kota Tinggi. "As of noon today (yesterday), we received reports that 20 schools had been affected. However, the number may increase by this evening," Arman said. Of the 20 affected schools, seven were converted into temporary relief centres. Two schools were inundated, while 11 were inaccessible.

Sabah hit by third round of major floods

By REBECCA CHONG
rebecca@the-star.com.my

KOTA KINABALU: For the third time this year, heavy rain has triggered major floods in Sandakan, Beluran, Pitas, Kota Marudu and Paitan, forcing hundreds of people into temporary shelters. Authorities warn that more evacuations are expected as water levels continue to rise in flood-hit areas. Experts say back-to-back floods are worsening due to climate change and shifting monsoon patterns. Universiti Malaysia Sabah Natural Disaster Research Centre director Assoc Prof Dr Carolyn M. Fayas said the compounded effect of recurring floods is making the natural disaster more severe. "The water from the previous floods has not fully receded and now it is raining again. The intensity is also quite high and climate change is making it worse," she said. Sabah Meteorological Department director Amirrudin Hashim confirmed that the northeast monsoon remains active and will continue until the end of March. "At present, the continuous heavy rain warning issued by MetMalaysia is expected to remain in effect until March 21 for several areas in Sabah," he said. Amirrudin added that rainfall for the 2024/2025 monsoon season is projected to be higher than previous years. The first major flood of the year struck in



House call: Civil Defence Force personnel checking on the occupants of a house in Kota Marudu following continuous heavy rain.

late January, with multiple districts affected by flooding. Kota Marudu saw its worst flood in decades, forcing thousands of residents to evacuate while Beluran and Pitas were also severely hit, with hundreds displaced as rivers overflowed. Sandakan experienced flash floods in low-lying areas, leading to road closures and evacuations. The second wave of flooding came early this month, worsening conditions before communities could recover. At its peak, more than 4,500 people were displaced across affected districts with multiple relief centres activated.

Transition phase triggers more flood warnings

KUALA LUMPUR: The monsoon transition phase is expected to begin on March 25 and continue until May, marking the end of the northeast monsoon and potentially triggering flash floods. Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) director-general Dr Mohd Hisham Mohd Anup said that during this phase, the country would experience weak winds from various directions. He said this condition could encourage the formation of thunderstorm clouds, which typically bring heavy rain and strong winds over a short period, especially in the afternoon and early evening in most areas in western and inland Peninsular Malaysia, as well as western Sabah and Sarawak. "This weather phenomenon has the potential to cause flash floods and damage to weak structures," he said in a statement yesterday, Bernama reported. He advised the public to remain vigilant during this period and stay updated with weather forecasts and warnings issued by MetMalaysia via its official website, the MyTaka mobile app and the department's official social media channels. He said that the public can also contact the hotline at 1300 22 1638 for further details.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BANJIR: 44 MANGSA DIPINDAH KE PPS DEWAN MASYARAKAT

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 21 MAC 2025

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Banjir: 44 mangsa dipindah ke PPS Dewan Masyarakat Song

SONG: Seramai 44 mangsa daripada 18 ketua isi rumah (KIR) telah dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Masyarakat Song selepas beberapa kawasan di daerah ini dilanda banjir susulan hujan berterusan sejak awal pagi semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Katibas Lidam Assan memaklumkan antara kawasan yang terjejas ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Katibas, penempatan Kebiau, serta beberapa rumah panjang. "Pusat Pemindahan Sementara di Dewan Masyarakat Song telah dibuka bagi menempatkan penduduk yang memerlukan perlindungan.

"Bantuan kepada mangsa banjir juga akan segera disalurkan," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau turut menjelaskan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Song telah diaktifkan sejak awal kejadian dengan kerjasama pelbagai agensi, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Pejabat Daerah.

"Saya juga memohon ketua masyarakat dan ketua kaum (KMKK) untuk membantu memantau keadaan di ka-

wasan masing-masing bagi memastikan keselamatan penduduk," tambahnya.

Sementara itu, laporan pemantauan oleh pasukan APM mendapati paras air di beberapa lokasi utama terus meningkat.

Sungai Batang di Terminal Bot Ekspres Song mencatatkan paras 10.3 meter, manakala Sungai Katibas berhampiran Rumah Mohd Edwin berada pada paras 0.22 meter.

Selain itu, KM3 Jalan Takanturut dinaiki air akibat sistem perparitan yang tersumbat, dengan bacaan paras air 0.41 meter.

Kampung Alai di Sungai Chapi dan Kampung Sejiran di Sungai Katibas juga men-

unjukkan peningkatan paras air masing-masing kepada 0.34 meter dan 0.48 meter.

"Setakat ini, keadaan masih terkawal dan tiada pemindahan dilakukan. Pasukan pemantauan yang terdiri daripada anggota APM telah bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan," jelas Lidam.

Menurutnya, keadaan masih terkawal, namun pemantauan berterusan sedang dijalankan.

Pasukan pemantauan yang terdiri daripada anggota APM turut bersedia menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya keadaan bertambah buruk.

Setakat jam 4.30 petang, seramai 10 lelaki dan 34 per-

empuan telah ditempatkan di PPS Dewan Masyarakat Song, terdiri daripada tujuh warga emas, 20 dewasa, 14 kanak-kanak, dan tiga bayi.

Katanya, mangsa yang dipindahkan telah menerima bantuan seperti makanan, kit keperluan asas, susu bayi, lampin pakai buang, dan kelengkapan tidur.

Lidam turut menasihatkan penduduk di kawasan rendah agar sentiasa berwaspada dan segera mendapatkan bantuan sekiranya keadaan bertambah buruk.

Penduduk yang memerlukan bantuan kecemasan boleh menghubungi MERS 999 atau Pusat Kawalan Operasi Daerah (PKOD) Song di talian 017-9404948.



MANGSA BANJIR: Pihak berkuasa membantu dalam proses pendaftaran mangsa banjir yang dipindahkan ke PPS di Dewan Masyarakat Song, semalam. — Gambar Lidam Assan


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Banjir tiga negeri, Johor paling terjejas

Nasional - Dicipta: 20 Mac 2025 09:01 PM



KUALA LUMPUR, 20 Mac- Seramai 2,836 orang daripada 798 keluarga terjejas banjir di Johor, setakat pukul 8.00 malam tadi.

Angka berkenaan meningkat berbanding 1,691 orang daripada 271 keluarga, setakat pukul 4.00 petang tadi.

Portal Bencana Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) memaklumkan 37 pusat pemindahan sementara (PPS) diaktifkan di lima daerah negeri berkenaan.

"Johor Bahru mencatat penduduk paling tinggi terjejas banjir dengan 808 orang daripada 202 keluarga. Kesemua penduduk terjejas itu ditempatkan di enam PPS daerah berkenaan.

"Ini diikuti Kota Tinggi dengan 761 orang daripada 223 keluarga di 10 PPS. Pontian, 620 orang terjejas, Kulai (506 orang) dan Kluang (141 orang)," menurut kenyataan tersebut.

Sementara di Sabah, seramai 1,180 orang daripada 361 keluarga ditempatkan di sembilan PPS.

Angka berkenaan meningkat berbanding 227 orang daripada 59 keluarga, setakat pukul 4.00 petang tadi.

Kota Marudu mencatat penduduk paling terjejas banjir di negeri itu dengan melibatkan 912 orang daripada 290 keluarga.

Sandakan, 132 orang, Beluran (92 orang), Paitan (33 orang) dan Kudat (11 orang).

Di Sarawak, seramai 32 orang daripada enam keluarga terbabit dengan banjir.

Angka tersebut meningkat berbanding 13 orang daripada enam keluarga, petang tadi.

Ia membabitkan daerah Kapit dan Song.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa banjir di Johor hampir 4,000

Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my



KEADAAN banjir di Kampung Mohd Amin, Johor Bahru. FOTO Muhammad Najmi NorAzam.

Johor Bahru: Jumlah mangsa banjir di Johor naik mendadak daripada 1,691 orang petang tadi, kepada 3,694 orang membabitkan 917 keluarga.

Setakat 8 malam, 84 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka berbanding 22 buah sebelum ini untuk menempatkan mangsa banjir.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Tan Sri Dr Azmi Rohani berkata, Kluang sudah dilanda banjir menjadikan lima daerah terjejas setakat ini termasuk Kota Tinggi, Johor Bahru, Kulai dan Pontian.

"Johor Bahru mencatatkan peningkatan jumlah mangsa banjir yang paling besar, mencecah 1,288 orang (207 keluarga) ditempatkan di 19 PPS, diikuti Kota Tinggi dengan 733 mangsa (212 keluarga) di 15 PPS dan Pontian meningkat kepada 688 mangsa (192 keluarga) di 19 PPS.

"Jumlah mangsa banjir di Kulai pula 506 orang (159 keluarga) di tujuh PPS dan Kluang mempunyai 479 mangsa (147 keluarga) di 24 PPS," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengekalkan amaran hujan lebat berterusan tahap buruk di Johor Bahru, Kluang, Mersing, Pontian, Kulai dan Kota Tinggi yang dijangka sehingga esok.

Pada masa sama, Sungai Batu Pahat, Sungai Endau, Sungai Johor, Sungai Pulai, Sungai Skudai dan Sungai Jemaluang merekodkan bacaan air sungai melepasi paras bahaya.

Semua daerah di negeri ini masih dilaporkan hujan setakat 8 malam tadi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

1,190 Mangsa Banjir Ditempatkan Di 10 PPS Di Sabah

🕒 20/03/2025 10:13 PM

LAPORAN TERKINI KEJADIAN BENCANA DI SELURUH NEGARA
(pada jam 08:00 PM, 20 Mac 2025)

3 Negeri, 16 Daerah, 52 PPS Jari, 1,222 Keluarga, 4,287 Mangsa, 15 Korban

20/03/2025 10:13 PM

BENCANA	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Tengah Benua	Sibu	1	10	43	Tidak Berubah
	Miri	1	11	40	Tidak Berubah
	Jumlah	2	21	83	Tidak Berubah
Johor	Johor Bahru	6	202	808	Meningkat
	Kota Tinggi	10	223	761	Meningkat
	Pontian	13	171	620	Meningkat
	Kulai	4	159	506	Meningkat
	Kluang	4	43	141	Baharu
Sabah	Kota Marudu	2	290	912	Baharu
	Sandakan	2	32	132	Tidak Berubah
	Beluran	2	26	92	Tidak Berubah
	Paitan	2	10	33	Meningkat
	Kudat	1	3	11	Baharu
Sarawak	Kapit	1	3	19	Baharu
	Song	1	6	13	Tidak Berubah
	Jumlah	2	9	32	Meningkat
Sabah	Pitas	1	6	10	Tidak Berubah
	Jumlah	1	6	10	Tidak Berubah
Kawasan Benua Besar	Selangor	1	27	146	Baharu
	Jumlah	1	27	146	Baharu
Jumlah Keseluruhan		52	1,222	4,287	Meningkat

Sumber: Selenggara Pengurusan Bencana, Angkatan Pertahanan Alam Melayu (APM)

Trend Bilangan Mangsa & Keluarga Di PPS Bagi Tempoh 10 Hari

Tarikh	Mangsa	Keluarga
11 Mar	1,288	367
12 Mar	1,447	447
13 Mar	1,607	527
14 Mar	1,767	607
15 Mar	1,927	687
16 Mar	2,087	767
17 Mar	2,247	847
18 Mar	2,407	927
19 Mar	2,567	1,007
20 Mar	4,287	1,222

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Seramai 1,190 mangsa daripada 367 keluarga ditempatkan di 10 pusat pemindahan sementara (PPS) di Sabah susulan banjir yang melanda enam daerah di negeri itu, setakat 8 malam ini.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah dalam kenyataan memaklumkan seramai 912 orang daripada 290 keluarga dipindahkan ke dua PPS di Kota Marudu dan 132 orang daripada 32 keluarga dipindahkan ke dua PPS di Sandakan.

Menurut kenyataan itu seramai 92 orang daripada 26 keluarga dipindahkan ke dua PPS di Beluran, 33 orang daripada 10 keluarga di dua PPS di Paitan, 11 orang daripada tiga keluarga di satu PPS di Matunggong dan 10 orang daripada enam keluarga juga di satu PPS di Pitas.

"Sebanyak 14 kampung terjejas iaitu lima di Kota Marudu, masing-masing dua di Sandakan, Beluran, Paitan dan Matunggong serta satu kampung di Pitas," menurut jawatankuasa itu.

Sementara itu di Johor, jumlah mangsa banjir terus meningkat kepada 3,694 orang sehingga 8 malam ini, berbanding 2,550 orang yang direkodkan petang tadi.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Tan Sri Dr Azmi Rohani memaklumkan kesemua mangsa daripada 917 keluarga itu ditempatkan di 84 PPS yang beroperasi di lima daerah terjejas.

Beliau berkata daerah Johor Bahru mencatatkan jumlah mangsa tertinggi dengan 1,288 orang diikuti Kota Tinggi (733), Pontian (688), Kulai (506) dan Kluang pula 479 orang.

"Terdapat sembilan sungai dilaporkan melebihi paras bahaya iaitu stesen Sungai Lenik di Ladang Chaah dengan bacaan 6.13 meter (m), Batu Pahat; Sungai Kahang di Kampung Contoh (15.37m), Kluang; Sungai Siam di Kampung Sungai Siam (22.65m) dan Sungai Siku di Kampung Murni Jaya (18.71m), Kulai.

"Selain itu, Sungai Pulau di Kampung Ulu Pulau (3.82m), Pontian; Sungai Skudai di Kampung Laut (5.13m), Parit Keliling di Kampung Pasir (1.38m) dan Sungai Tiram di Kampung Bukit Dagang (5.04m), Johor Bahru; serta Sungai Paya Dato di Mersing (2m)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Azmi, dua jalan di Kota Tinggi iaitu Jalan Lukut Cina (Taman Aman) dan Jalan Mawai Lama (sebelum Rumah Burung) telah ditutup kepada semua jenis kenderaan susulan arus deras.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA MADANI

YAYASAN SULTAN IBRAHIM JOHOR SUMBANG 630 KIT BANTUAN BENCANA BANJIR

🕒 20/03/2025 11:58 PM



Kredit: FB Sultan Ibrahim Sultan Iskandar

JOHOR BAHRU, 20 Mac (Bernama) -- Yayasan Sultan Ibrahim Johor (YSIJ) menyumbang sebanyak 630 kit bantuan bencana kepada mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di negeri ini.

Menurut hantaran di laman Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, sumbangan itu disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif YSIJ Mohd Anizam Jamian kepada Pegawai Askar Timbalan Setia Negeri Johor Leftenan Mohd Syafiq Md Zabri sebelum diagihkan kepada mangsa banjir.

Mohd Anizam turut menyampaikan sumbangan pasca bencana kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri Ahmad Hashim Selamat berupa 1,000 helai selimut dan 800 lampin pakai buang.

Hantaran sama memetik Ahmad Hashim yang menzahirkan penghargaan kepada YSIJ di atas sumbangan kepada JKM.

"Kami amat menghargai kerjasama yang diwujudkan antara YSIJ dan JKM bagi membantu rakyat Johor yang memerlukan terutamanya pada musim banjir," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tingkatkan kadar pelepasan cukai pusat jagaan kanak-kanak berdaftar – PPJKKM

Oleh Wartawan MalaysiaGazette - 20 March 2025



KUALA LUMPUR – Persatuan Pusat Jagaan Kanak-Kanak Malaysia (PPJKKM) menyeru semua ibu bapa di negara ini menandatangani petisyen menyuarakan sokongan terhadap cadangan meningkatkan kadar pelepasan cukai penjagaan kanak-kanak daripada RM3,000 kepada RM5,000 dalam Belanjawan 2026.

Pengerusi Persatuan Pusat Jagaan Kanak-Kanak Malaysia, Simon Ng berkata, petisyen itu juga bertujuan memperluaskan manfaat pelepasan cukai kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak berumur tujuh hingga 18 tahun ke pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).



Simon Ng

“Pelepasan cukai RM3,000 yang sedia ada kini hanya terhad kepada ibu bapa yang menghantar anak berumur enam tahun ke bawah ke TASKA dan TADIKA berdaftar.

“Namun ibu bapa yang menghantar anak-anak berumur tujuh hingga 18 tahun ke pusat jagaan kanak-kanak berdaftar tidak menerima sebarang pelepasan cukai walaupun kos penjagaan semakin meningkat,” katanya dalam kenyataan.

Sehubungan itu, PPJKKM mencadangkan dua perkara utama menerusi petisyen berkenaan iaitu eningkatan pelepasan cukai daripada RM3,000 kepada RM5,000 untuk membantu meringankan beban kewangan

keluarga.

Seai itu, memperluaskan pelepasan cukai tersebut untuk turut merangkumi ibu bapa yang menghantar anak berumur tujuh hingga 18 tahun ke pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“PPJKKM percaya langkah ini dapat menggalakkan lebih ramai ibu bapa memilih pusat jagaan kanak-kanak berdaftar, sekaligus memastikan anak-anak mendapat penjagaan yang berkualiti dan selamat,” katanya.

Menurut Simon orang ramai boleh menyatakan sokongan dengan menandatangani petisyen di <https://chng.it/sjDDpL5HyC> . – MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Duda mengaku tidak bersalah cabul wanita di bazar Ramadan

Jenayah - Dicipta: 20 Mac 2025 04:37 PM



TEMERLOH, 20 Mac- Seorang duda berusia 51 tahun dihadapkan ke Mahkamah Majistret Temerloh atas empat pertuduhan, mencabul tiga wanita di bazar Ramadan Lurah Semantan pada awal Mac.

Tertuduh, Nazarin Romeli, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Tan Chiew King.

Kesemua pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun, denda atau sebatan, atau mana-mana dua daripada hukuman itu jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Adriana Azrin manakala tertuduh diwakili Nur Syazwani Roslan dari Yayasan Bantuan Guaman.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM14,000 dengan seorang penjamin dan kes akan disebut semula pada 17 April bagi pengurusan dokumen.

Terdahulu, pada 13 Mac lalu, polis menahan seorang lelaki selepas tular video di media sosial mendakwa suspek telah mencabul wanita di bazar Ramadan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Buruh ladang didakwa rogol anak tiri



TERTUDUH diiring polis keluar dari Mahkamah Majistret Kemaman, Terengganu selepas mengaku tidak bersalah merogol anak tirinya. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

KEMAMAN: Seorang buruh ladang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, hari ini, atas pertuduhan merogol seorang kanak-kanak perempuan di bawah umur yang juga anak tirinya, tahun lalu.

Tertuduh yang berusia 47 tahun, membuat pengakuan itu dan meminta dibicarakan sebaik sahaja pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Sharifah Amirda Shasha Amir Sharifuddin.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol kanak-kanak perempuan berkenaan yang berusia 15 tahun lapan bulan di sebuah rumah di daerah ini, kira-kira pukul 1 hingga 3 pagi, pada Mac 2024.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan. Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan penjara hingga 20 tahun dan dikenakan sebatan.

Sharifah Amirda Shasha menetapkan 23 Mac ini untuk sebutan semula di Mahkamah Sesyen. Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa, Inspektor Muhammad Afif Mohd Amin. - **UTUSAN**

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Disyaki Dera Anak, Penghantar Barang Kena Reman Enam Hari

BERITA NASIONAL UNCATEGORIZED

March 20, 2025

By tri_admin

Less than 1 min. read

KUALA LUMPUR: Polis menahan seorang ibu kepada kanak-kanak lelaki berusia enam tahun bagi membantu siasatan kes penderaan.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Asisten Komisioner Mohd Sohaimi Ishak berkata, laporan diterima pihaknya pada 17 Mac lalu daripada seorang guru pra sekolah Sekolah Kebangsaan Taman Johor Jaya 3.

“Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001.

“Ibu mangsa berusia 31 tahun yang juga suspek kes ini sudah ditahan reman selama enam hari bagi membantu siasatan,” katanya ketika dihubungi.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berkata, mangsa sudah diselamatkan oleh pihaknya.

“Pelindung JKJ menjalankan siasatan ke rumah mangsa dan tindakan sesuai sudah diambil.

“Kanak-kanak berkeenaan kini dalam keadaan selamat manakala dua adik beradiknya berada di bawah jagaan ibu saudara,” katanya.

Difahamkan mangsa tinggal bersama-sama ibu serta adik-beradiknya di sebuah rumah sewa di Taman Desa Jaya di sini.

Beberapa kesan kecederaan dan lebam pada tubuh mangsa termasuk di tangan serta di belakang tubuh disedari guru sekolah sebelum membuat laporan polis.